

**Najib Terima Kunjungan Hormat Bekas Perdana Menteri Britain
Bernama
21 Mac, 2014**

PUTRAJAYA, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat menerima kunjungan hormat bekas Perdana Menteri Britain Sir John Major di pejabat beliau di sini.

Pertemuan Najib dan Major berlangsung kira-kira 30 minit.

Major tiba di Malaysia, Rabu.

Beliau akan berlepas ke Hong Kong petang Jumaat untuk menghadiri Forum Pelaburan Credit Suisse.

Major merupakan Perdana Menteri Britain dari 1990 hingga 1997.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023787>